



SIARAN MEDIA

ADAT 'NGILING BIDAI' : UPACARA GULUNG TIKAR SEBAGAI PENUTUP PERAYAAN GAWAI DAYAK

BINTULU, 23 Jun 2023 – Majlis 'Ngiling Bidai' telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara yang merupakan adat suku kaum Dayak iaitu upacara gulung tikar sebagai **penutup kepada sambutan perayaan Hari Gawai Dayak** yang disambut setiap tahun.

Menurut adat, upacara 'Ngiling Bidai' ini diadakan adalah untuk **memaklumkan Petara (Tuhan) atau antu (semangat) bahawa perayaan Gawai Dayak telah berakhir**. Melalui upacara ini, ianya memberi isyarat dengan cara terhormat kepada semangat yang masih berkeliaran di sekitar rumah panjang dan seterusnya membolehkan penduduk rumah panjang hidup dengan aman.

Majlis ini merupakan **inisiatif di bawah kluster Semarak Perpaduan** yang antara lainnya bertujuan untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarkan luas pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa upacara ini merupakan satu **landasan bagi mengeratkan lagi hubungan dan toleransi pelbagai kaum** di negeri ini. Beliau turut menambah, **kemakmuran dan kestabilan yang dinikmati pada hari ini adalah hasil daripada kekuatan semangat kerjasama dan hubungan yang baik di antara semua etnik**.

Program ini telah mendapat kerjasama strategik daripada pelbagai Agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak seperti Pejabat Residen Bahagian Bintulu dan Kapit, Pejabat Daerah dan pelbagai agensi awam, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Turut hadir ke majlis ini, YBhg. Dato' Indera Noridah binti Andul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YBhg. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Kementerian Perpaduan Negara

23 Jun 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 ()